

TEKS UCAPAN

YBHG DATO Sr. AZIZ BIN ABDULLAH

KETUA PENGARAH

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA &
PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA
MALAYSIA (PSKLM) :
PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN SEMARAK RAMADHAN
BERSAMA
PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

16 MEI 2019 (KHAMIS)

**MASJID UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH**

**YBHRS PROF. MADYA DR. MD AMIN BIN MD TAFF
TIMBALAN NAIB CENSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**YBHG DATUK AZMAN BIN ISMAIL
YANG DIPERTUA PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI
LEBUHRAYA MALAYSIA**

PENGARAH PUSAT ISLAM UPSI

KTP BHEP UPSI

PENGARAH-PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA,

KETUA-KETUA EKSEKUTIF SYARIKAT KONSESI,

PEGAWAI-PEGAWAI LLM DAN UPSI,

DAN

PARA PELAJAR YANG DIKASIHI

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SELAMAT SEJAHTERA.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dipanjangkan usia, untuk kita semua bersama-sama hadir ke Program Tanggungjawab Sosial Dan Korporat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) di Majlis Penyampaian Sumbangan Dan Semarak Ramadhan Bersama Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada hari ini.

2. Penganjuran program CSR seperti ini membuktikan keprihatinan LLM, PSKLM dan syarikat konsesi lebuhraya terhadap usaha-usaha dalam membantu dan meringankan beban kepada masyarakat yang memerlukan.

Hadirin sekalian,

3. Disebalik kesibukan dalam pengurusan dan operasi lebuhraya, kami sentiasa mengambil berat dalam pelaksanaan program berbentuk CSR sebagai agenda tetap tahunan LLM dan PSKLM. Program CSR sebegini diwujudkan atas dasar untuk membantu dan memberi sumbangan kepada pelbagai pihak penerima samada, institusi pengajian, persatuan-persatuan, sekolah mahupun golongan yang memerlukan.

4. Semoga dengan sumbangan CSR pada hari ini dapatlah menambah barakah dan silaturrahim sesama kita bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia ini. Kepada semua hadirin hadirat sekalian, selamat menjalankan ibadah berpuasa dan antara sedar dan tidak, sudah 11 hari tempoh kita berpuasa.

5. Saya amat menyambut baik inisiatif penganjuran program CSR di bulan Ramadhan seperti ini kerana sebagai umat Islam, amatlah digalakkan untuk kita bersedekah dan seboleh-bolehnya menambah amal dan ilmu pada bulan yang mulia ini. Semoga dengan usaha ini, dapat memberi makna kepada para pelajar yang saya kira bersemangat dalam menjalankan ibadah puasa. Marilah sama – sama kita rebut peluang untuk mencari keberkatan dan KeredhaanNya.

Hadirin sekalian,

6. Saya difahamkan, program hari ini padat dengan pelbagai aktiviti antaranya, memasak bubur lambuk disebelah pagi, ceramah agama mengenai Keselamatan Jalan raya mengikut perspektif Islam yang telah disampaikan oleh Ustaz Akhil Hayy dan dimeriahkan dengan kehadiran hampir 150 orang pelajar UPSI.

7. Semoga dengan kehadiran para pelajar ini, dapat membawa keceriaan ke dalam majlis dan melalui sumbangan yang akan diberikan juga diharapkan serba sedikit dapat meringankan beban para pelajar yang dihadapi. Saya amat berharap dengan sokongan semua pihak kita dapat membantu jika tidak semua, setidaknya menyokong mereka dalam aspek perbelanjaan makanan harian di sepanjang bulan Ramadhan ini.

8. Akhir kata, saya amat menggalakkan program murni ini diteruskan di masa –masa akan datang. Saya juga amat yakin program CSR sebegini berupaya menjalin perhubungan erat dengan pelbagai pihak. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini secara langsung atau tidak langsung. Sumbangan ini merupakan hasil keuntungan yang diperolehi syarikat-syarikat swasta dan diharap golongan masyarakat dapat merasakan nikmat kebaikannya bersama.

Sekian terima kasih.